

Kubur paus digali, tulangnya dikumpul semula

24/1/2018

M/S 36

Sinar Harian

DUNGUN - Tulang paus muncung angsa atau nama saintifiknya *Ziphius Cavirostris* yang terdampar mati di Kampung Benting Lintang, Besut pada 2016 berjaya digali, dikumpulkan dan disusun dengan lengkap oleh Institut Penyelidikan Perikanan Rantau Abang.

Selama dua tahun sejak Januari 2016 karkas paus berkenaan tertanam di pantai dan kesemua dagingnya sudah mengalami pereputan sepenuhnya.

Ketua Pasukan Penyelamat Kedamparan Spesies Marin Terancam, Mohd Tamimi Ali Ahmad berkata, sekiranya berlaku kedamparan spesies marin terancam seperti paus, yu paus, lumba-lumba, dugong dari penyu pihaknya akan ke lokasi untuk proses bedah siasat serta menguruskan karkas mengikut prosedur (SOP) yang ditetapkan oleh Jabatan Perikanan Malaysia.

Menurutnya, tulang-tulang Paus muncung angsa tersebut dibawa baki ke FRI Rantau Abang untuk proses pengawetan selama enam bulan.

"Tugas ini sudah menjadi tanggungjawab FRI Rantau Abang dan bukan semua mampu atau mempunyai kepakaran dalam menguruskan kesebegini," katanya.

Mohd Tamimi berkata, ketika menggali kubur paus sedalam 1.5 me-



Tulang-tulang paus yang berjaya dicari dan disusun dengan lengkap.

ter, tulang dijumpai bersama lapisan lemak tebal dan berbau busuk.

"Selepas diawet, tulang yang disusun lengkap akan dipamerkan dalam galeri spesies marin terancam kepada masyarakat umum tidak lama lagi," katanya.

Hasil bedah siasat mendapatkannya matian paus tersebut berpunca dari sakit semula jadi akibat termakan sampah sarap seperti plastik dan botol minuman yang terdapat di dalam perut serta ususnya.

Beliau turut menasihatkan orang awam yang menjumpai spesies marin terancam sama ada terdampar hidup

atau mati supaya membuat laporan segera kepada kepada Pejabat Perikanan Negeri dan Daerah atau Institut Penyelidikan Perikanan seluruh negara atau FRI Rantau Abang.

"Tindakan pantas sangat membantu bagi membolehkan Pasukan Penyelamat Spesies Marin Terancam FRI Rantau Abang bertindak dalam tempoh 12-24 jam dan mungkin boleh menyelamatkan nyawa haiwan laut terdampar."

"Terima kasih kepada masyarakat yang sangat prihatin dalam membantu FRI Rantau Abang dan Jabatan Perikanan Malaysia," katanya.